

37  
SOALAN NO: 56

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** Lisan

**DARIPADA :** Dr. Che Rosli Bin Che Mat [ Hulu Langat ]

**TARIKH :** 8 Mac 2018 (Khamis)

**SOALAN :** Dr. Che Rosli Bin Che Mat [ Hulu Langat ]  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :

- (a) usaha Kementerian dalam menggalakkan penanaman berbagai spesis buah Tin di Malaysia; dan
- (b) sejauh mana penanaman buah Tin ini memberi sumbangan dalam meningkatkan ekonomi negara.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Tanaman buah tin merupakan satu tanaman berkhasiat tinggi yang kaya dengan antioksidan, fiber, vitamin dan mineral. Tanaman ini berpotensi menyumbang dalam meningkatkan ekonomi kerana boleh menjana pendapatan pengusaha yang terlibat melalui penjualan anak benih yang lumayan dengan harga jualan sekitar RM40 bagi satu keratan dan boleh mencecah ribuan ringgit bagi varieti terpilih. Penjualan hasil buah untuk di makan segar juga mampu mendatangkan pulangan yang baik di mana harga buah tin segar mencecah RM80 sekilogram. Selain itu, daun dan buah bagi tanaman ini boleh dijadikan produk makanan kesihatan seperti teh, jus, dan ekstrak minuman.

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum mempunyai program galakan khusus penanaman buah tin. Namun begitu, Kementerian melalui Jabatan Pertanian sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat nasihat teknikal bagi penanaman buah tin tersebut.

Bagi pengimportan tumbuhan dan produk termasuk buah tin segar atau sejukbeku pula, ia adalah tertakluk kepada keperluan pemeriksaan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di pintu masuk. Sekiranya terdapat perosak tumbuhan bersama-sama konsainan, tindakan kuarantin akan dikenakan ke atas konsainan tersebut.